

PANDUAN PENDAFTARAN KONTRAK URUSNIAGA KELUARAN KELAPA SAWIT

1 APAKAH ITU PENDAFTARAN KONTRAK ?

- i) Mendaftarkan kepada MPOB tiap-tiap kontrak **urusniaga keluaran kelapa sawit** iaitu minyak sawit mentah (CPO), isirong sawit (PK), minyak sawit yang diproses (PPO), minyak isirong sawit mentah (CPKO), minyak isirong sawit yang diproses (PPKO), asid lemak sawit (PFA) dan minyak sawit keladak (SPO), samada untuk pasaran tempatan, eksport atau import.
- ii) Mendaftarkan kepada MPOB tiap-tiap kontrak **urusniaga oleokimia sawit** (PCM) bagi eksport sahaja. Senarai oleokimia sawit seperti di [Jadual Pertama](#).
- iii) Mendaftarkan kepada MPOB tiap-tiap kontrak **urusniaga bungkil isirong sawit** (PKC) bagi urusniaga eksport dan import sahaja.
- iv) Kontrak urusniaga berbentuk 'paper contract' yang tidak melibatkan penghantaran keluaran kelapa sawit secara fizikal, tidak perlu didaftarkan dengan MPOB.

2 SIAPA YANG PERLU MENDAFTAR KONTRAK ?

- i) Semua pemegang lesen MPOB sama ada mereka sebagai penjual, pembeli, pengeksport atau pengimport yang berurusniaga dengan minyak sawit mentah (CPO), isirong sawit (PK), minyak sawit yang diproses (PPO), minyak isirong sawit mentah (CPKO), minyak isirong sawit yang diproses (PPKO), asid lemak sawit (PFA) dan minyak sawit keladak (SPO).
- ii) Semua pemegang lesen MPOB yang mengeksport oleokimia sawit.
- iii) Semua pemegang lesen MPOB yang mengeksport atau mengimport bungkil isirong sawit.

3 BAGAIMANA CARA HENDAK MENDAFTAR KONTRAK ?

- i) Semua pemegang lesen MPOB perlu mendaftar tiap-tiap kontrak urusniaga mereka samada melalui teleks, faksimile, mel elektronik atau telefon.
- ii) Jika kontrak urusniaga didaftar melalui telefon, kontrak tersebut hendaklah dikemukakan kepada MPOB secara bertulis dalam masa 24 jam selepas pendaftaran itu dibuat.
- iii) Semua pemegang lesen MPOB adalah digalakkan untuk mendaftar tiap-tiap kontrak urusniaga mereka secara mel elektronik (online/internet) melalui laman web khas MPOB di alamat:

<http://e-reg.mpob.com.my> atau <http://e-reg3.mpob.com.my>

- iv) Manual pengguna bagi pendaftaran kontrak urusniaga secara Mel elektronik (online / internet) boleh di perolehi daripada Seksyen Pendaftaran Kontrak MPOB.

4 BILA PERLU MENDAFTAR KONTRAK ?

- i) Semua pemegang lesen MPOB yang berurusan dengan **keluaran kelapa sawit** perlu mendaftarkan setiap kontrak urusniaga harian mereka pada hari tersebut atau selewat-lewatnya sebelum jam 3.00 petang [hari berikutnya](#).
- ii) Semua pemegang lesen MPOB yang berurusan dengan eksport atau import **bungkil isirong sawit** perlu mendaftarkan setiap kontrak urusniaga harian mereka pada hari tersebut atau selewat-lewatnya sebelum jam 3.00 petang [hari berikutnya](#).
- iii) Semua pemegang lesen MPOB yang urusniaga eksport **oleokimia sawit** perlu mendaftarkan setiap kontrak mereka secara bulanan sebelum jam 3.00 petang tidak lewat daripada setiap tujuh (7) haribulan pada bulan berikutnya.

5 APAKAH BUTIRAN KONTRAK URUSNIAGA YANG PERLU DIDAFTAR?

- i) Butir-butir kontrak urusniaga yang perlu didaftar bagi **keluaran kelapa sawit** dan format pendaftarannya adalah seperti di [Jadual Kedua](#). Pendaftaran secara faksimile juga boleh dibuat menggunakan salinan (fotostat) lampiran ini.
- ii) Butir-butir kontrak urusniaga yang perlu didaftar bagi **bungkil isirong sawit** dan format pendaftarannya adalah seperti di [Jadual Kedua](#). Pendaftaran secara faksimile juga boleh dibuat menggunakan salinan (fotostat) lampiran ini.
- iii) Butir-butir kontrak urusniaga yang perlu didaftar bagi eksport **oleokimia sawit** dan format pendaftarannya adalah seperti di [Jadual Ketiga](#). Pendaftaran secara faksimile juga boleh dibuat menggunakan salinan (fotostat) lampiran ini.
- iv) Butir-butir kontrak urusniaga dan format pendaftaran secara mel elektronik adalah seperti didalam laman web khas MPOB. Rujuk perenggan 3(iv).

6. MELAPOR PEMBATALAN ATAU PINDAAN BUTIRAN KONTRAK YANG DIDAFTAR

Jika terdapat pembatalan atau pindaan kepada butiran kontrak urusniaga yang sudah didaftar, pemegang lesen perlu melaporkan kepada MPOB fakta yang dibatal atau dipinda (termasuk nombor kontrak asal yang telah didaftar) selewat-lewatnya sebelum jam 3.00 petang pada hari berikutnya kontrak tersebut dibatal atau dipinda.

7. BILA PERLU MENGEMUKAKAN SALINAN KONTRAK?

- i) Semua pemegang lesen MPOB hendaklah mengemukakan salinan setiap kontrak urusniaga **keluaran kelapa sawit** yang didaftar tidak lewat daripada 21 hari selepas tarikh pendaftaran kontrak.
- ii) Semua pemegang lesen MPOB hendaklah mengemukakan salinan setiap kontrak urusniaga **bungkil isirong sawit** yang didaftar tidak lewat daripada 21 hari selepas tarikh pendaftaran kontrak.
- iii) Setiap pemegang lesen MPOB hendaklah mengemukakan salinan setiap kontrak urusniaga eksport **oleokimia sawit** yang didaftar tidak lewat daripada 14 hari selepas tarikh pendaftaran kontrak.

8. PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI

- i) Jika ada pertanyaan, pemegang lesen MPOB boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

	Telefon	E-mail
a) Puan Jariah Md. Jidin	03-78022929	jariah@mpob.gov.my
b) Puan Loo Yuen May	03-78022930	loo@mpob.gov.my
c) Encik Bakry Hussein	03-78022933	bakry@mpob.gov.my

- ii) Alamat surat menyurat dan nombor faksimile bagi urusan pendaftaran kontrak urusniaga keluaran kelapa sawit adalah seperti berikut:

Alamat:	No. Faksimile:
Seksyen Pendaftaran Kontrak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Tingkat 3, Wisma Sawit Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya. Selangor	03-78033533